

**TALKING POINTS**  
**MESYUARAT POST EXCO PENDIDIKAN NEGERI MELAKA**  
**25 JULAI 2019, 9.30 PAGI**

**Salutasi**

- 1. Yang Berhormat Tuan Noor Effandi bin Ahmad  
Exco Pendidikan, Modal Insan, Sains dan Inovasi Negeri Melaka,**
- 2. Ketua-Ketua Jabatan dan ahli-ahli mesyuarat Post Exco Pendidikan,  
Modal Insan, Sains dan Inovasi Negeri Melaka,**
- 3. Hadirin dan Hadirat sekalian.**

1. Pertama sekali, bagi pihak tuan rumah, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Noor Affandi Ahmad, kerana sudi memilih UTeM sebagai lokasi mesyuarat kali ini.
2. UTeM juga mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Exco dan semua ahli mesyuarat ke Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
3. Saya difahamkan, UTeM juga pernah menjadi tuan rumah mesyuarat Post Exco sebelum ini. Namun begitu, mesyuarat kali ini merupakan platform terbaik yang memberi peluang kepada diri saya untuk mengenali Ketua-Ketua Jabatan dan ahli-ahli mesyuarat dengan lebih rapat lagi.
4. Saya, Prof. Dr. Raha Abdul Rahim, yang baru memulakan tugas sebagai Naib Canselor UTeM ke-empat mulai 16 Jun 2019. Pelantikan saya adalah untuk tempoh tiga tahun.

5. Sebagai orang baharu dalam keluarga institusi pendidikan Negeri Melaka, saya mengharapkan nasihat dan tunjuk ajar dari semua pihak terutamanya dari Yang Berhormat Exco, supaya saya dapat menyempurnakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepada diri saya ini dengan sebaik-baiknya.
6. Besarlah harapan saya bagi memastikan kesinambungan pencapaian cemerlang dan gemilang yang telah diraih Universiti selama ini dapat diteruskan malah diperkasakan lagi demi pembangunan cemerlang sektor pendidikan di Negeri Melaka ini sendiri.
7. Insya Allah, dalam tempoh tiga tahun ini, saya akan memberikan komitmen dan kerjasama yang sebaik-baiknya bersama Kerajaan Negeri untuk terus membangunkan dan menyerlahkan lagi kecemerlangan pendidikan tinggi di Negeri ini di arena global sebaris dengan Universiti-Universiti yang ternama.
8. Sebagai makluman YB dan ahli mesyuarat sekalian, saya turut memperkenalkan pendekatan UTeM adalah Melaka dan Melaka adalah UTeM yang membawa makna segala kecemerlangan dan kegemilangan yang diperolehi akan memberi manfaat dan kebaikan kepada kita bersama.
9. UTeM senantiasa terbuka dan mengalu-alukan semua pihak untuk melaksanakan segala bentuk kolaborasi bersama Universiti ini, bagi memastikan ekosistem akademia, industri dan masyarakat saling melengkapi antara satu sama lain. YB, Tuan-Tuan dan Puan-Puan boleh menghubungi saya terus atau melalui Puan Fazidah Ithnin yang juga merupakan wakil tetap UTeM dalam Mesyuarat Post Exco jika

terdapat sebarang jenis projek atau aktiviti yang ingin dilaksanakan secara bersama dengan UTeM.

10. Sekali lagi, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih khususnya kepada Yang Berhormat Tuan Noor Effandi bin Ahmad dan ahli-ahli mesyuarat sekalian, yang tidak pernah jemu memberi sokongan dan kerjasama baik dalam segala aspek kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
11. Saya berharap agar ukhwah ini akan berkekalan dan terus berpanjangan.

Pohon mengkudu tinggi melampai,  
Akar tetulang panjang bersilang,  
Mesyuarat bersidang matlamat dicapai,  
Solusi cemerlang pendidikan terjulang.

12. Sekian, terima kasih.